

## **BAB 1:**

### **PENGENALAN**

#### **1. Pendahuluan**

Penyakit Influenza Unggas Sangat Pathogenik (Highly Pathogenic Avian Influenza, HPAI) ialah jangkitan disebabkan oleh Virus Influenza A khususnya sub-tip H5N1 dan H7N7. Virus-virus ini menyebabkan kematian yang tinggi kepada ternakan ayam/itik dan boleh mencapai 100%. Pada masa yang sama virus ini juga boleh menjangkiti manusia dan menyebabkan kematian. Disebabkan impak ekonominya yang meluas dan menjejaskan kesihatan manusia, jangkitannya perlu dikawal dan dibasmi dengan segera.

Manual prosidur Menangani Wabak Penyakit Influenza Unggas Sangat Pathogenik ini disediakan sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan pembasmian. Ia meliputi aspek-aspek pemusnahan dan pelupusan, pampasan, penyiasatan dan pengujian keatas sampel-sampel dan penguatkuasaan perundangan bagi memastikan tindakan pembasmian dijalankan dengan berkesan selaras dengan undang-undang sediaada. Pada masa yang sama aspek keselamatan pekerja juga dimasukkan dalam prosidur ini selaras dengan keperluan melindungi pekerja dari dijangkiti penyakit semasa menjalankan operasi pembasmian.

#### **2. Jawatankuasa menangani wabak**

Wabak HPAI mempunyai implikasi nasional. Kesannya bukan sahaja kepada industri pengeluaran ayam/itik sahaja, malahan boleh menjejaskan kesihatan penduduk, gunatenaga pekerjaan, sektor pelancungan, pasaran saham dan imej kerajaan menangani wabak. Bila wabak melanda secara meluas, jawatankuasa peringkat kabinet akan diaktifkan bagi memastikan pelbagai agensi dan suber dapat digerakan. Sementara itu jawatankuasa peringkat agensi pula ditubuhkan bagi menyelaraskan aktiviti dan memastikan agensi lain khususnya Kementerian

Kesihatan bersiap sedia bagi mengatasi kemungkinan wabak menjangkiti manusia. Dalam keadaan wabak yang kecil dan boleh dikawal, jawatankuasa peringkat jabatan berupaya menggerakkan langkah pembasmian.

### **3. Kesiapsiagaan menangani wabak**


Ancaman wabak HPAI adalah tinggi disebabkan wabak ini telah melanda negara-negara jiran ASEAN termasuk Thailand, Indonesia, Kemboja, Laos dan Vietnam. Tindakan pengharaman import ayam dan produk ayam dari negara-negara berwabak dan pengawalan penyeludupan ayam dan produk ayam di pintu-pintu masuk negara dapat menyekat kemasukan jangkitan ke negara. Walaubagaimana pun kaedah jangkitan yang juga melibatkan unggas hijrah memerlukan pemantauan dan surveilan kawasan sekitaran bird santuari perlu dijalankan.

Kesiapsiagaan bergantung kepada keupayaan melaksanakan respon kecemasan. Peranan pasukan-pasukan dan aliran repon kecemasan ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

### **4. Pasukan petugas menangani wabak**

Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri perlu menubuhkan pasukan petugas menangani wabak HPAI dinegeri masing-masing. Pasukan tersebut terdiri dari operasi dan kawalan, pemusnahan dan pelupusan, pampasan dan penilaian, serta dekontaminasi dan sucihama. Operasi dinegeri akan dikordinasi oleh Pengarah Operasi peringkat ibu Ibu Pejabat.

**ALIRAN KOMUNIKASI RESPON KECEMASAN (EMERGENCY RESPONSE)**



Rajah 1.1 Carta Alir Respon Kecemasan

## **BAB 2:**

### **PENGURUSAN PUSAT OPERASI DAN PERHUBUNGAN AWAM**

#### **1. Fungsi Pusat Operasi**

Pusat Operasi memainkan peranan penting didalam menghubungkan kawasan wabak dan pihak pengurusan. Fungsi Pusat Operasi termasuklah:

- Mengumpulkan maklumat operasi harian dari kawasan wabak
- Menyemak maklumat harian dikemukakan dari negeri/kawasan wabak
- Mengkaji dan menganalisa maklumat harian
- Menyediakan laporan harian untuk disalurkan kepada pihak-pihak berkaitan seperti, Perdana Menteri (Menteri Besar bagi negeri), Menteri Pertanian (Exco Pertanian bagi negeri), Ketua Pengarah (Pengarah negeri bagi negeri) lain-lain kementerian, jabatan dan agensi berkaitan, laman web dan penyimpanan didalam fail
- Menyediakan laporan untuk media masa
- Menerima laporan dari orang awam
- Menentukan laporan dari orang awam disusuli

#### **2. Komponen Pusat Operasi**

##### **2.1. Bilik Gerakan**

###### **2.1.1. Anggota Bilik Gerakan**

Bilik Gerakan menjadi nadi bagi Pusat Operasi. Pegawai-pegawai petugas handaklah sentiasa berada disepanjang tempoh operasi di Bilik Gerakan. Bilangan anggota BG bagi negeri dan Ibu Pejabat dinyatakan Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Anggota Bilik Gerakan Bagi Perkhidmatan Haiwan Negeri dan Ibu Pejabat

Negeri			Ibu Pejabat		
Tugas	Pegawai	Bil.	Tugas	Pegawai	Bil.
Ketua Bilik Gerakan	G32	1	Ketua Bilik Gerakan	G41	1
Pegawai Statistik	G17	3	Pegawai Statistik	G32	1
Penghantar lapuran	G17	1	Penyediaan lapuran	G41	1
Duty Roster	G17	1	Maklumat perhubungan awam	G41	1
Suci Hama	G17	1	Kenyataan akhbar	RO41	1

### 2.1.2. Kemudahan Bilik Gerakan

- Talian telefon – hotline,sms link
- Surat khabar harian
- Peta mukim/daerah/negeri
- Komputer yang boleh mempunyai kemudahan internet – email, websites
- Poster, risalah, leaflets
- Peralatan pejabat yang biasa
- Peralatan teknikal lapangan
- Pengkalan data
- Senarai ladang ayam/itik – nama penternak, kod pelesenan, alamat, no telefon, GPS, saiz ladang, kapasiti, jurusan penternakan
- Senarai Pegawai Veterinar Swasta
- Senarai sanctuary dan senarai ladang berdekatan dengan sanctuary
- Senarai loji pemproses ayam


- Senarai pasar-pasar basah
- Senarai kedai haiwan kesayangan / kedai burung peliharaan
- Senarai pengimport produk unggas dan hasilan dari unggas
- Senarai pintu masuk dan kuarantin
- Pasukan yang di kenalpasti
- Maklumat-maklumat teknikal penyakit
- Manual / protokol
- Senarai kontak lain-lain agensi seperti pejabat bomba, JKR, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan dsb.

## 2.2. Sistem maklumat

Bilik gerakan yang merupakan komponen pusat operasi memainkan peranan penting dalam menerima data dari berbagai sumber. Data-data tersebut dianalisa dan dikumpulkan menjadi maklumat. Maklumat-maklumat dalam bentuk laporan dikeluarkan dari masa kesemasa mengikut keperluan dan arahan dari pihak atasan. Aliran maklumat dari Pusat Operasi ditunjukkan dalam Rajah 2.1.

### 2.2.1. Maklumat dan laporan diterima di Bilik Gerakan:

- Jawatankuasa Pemandu Kawalan/Jawatankuasa Kabinet/Jawatankuasa Antara agensi
- Bilik Gerakan Negeri
- AMT – Alert Management Team
- RAT – Rapid Action Team
- Bilik Gerakan Kementerian Kesihatan
- Makmal – Veterinary Research Institute
- Kurantin/Pintu Masuk
- Orang Awam/Penternak



Rajah 2.1: Peranan dan aliran maklumat dari Pusat Operasi

2.2.2. Laporan-laporan dikeluarkan dari Bilik Gerakan

- Kenyataan akhbar
- Peraturan terkini import/export serta senarai terkini produk dari negara-negara yang di larang masuk
- Laporan surveilan
- Arahan dari masa ke semasa kepada semua pasukan
- Laporan khas kepada YB Perdana Menteri, Jawatankuasa Kabinet, Menteri Pertanian, Timbalan Menteri Pertanian, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Pengarah Kawalan Penyakit Jabatan Kesihatan

- Laporan Akhir
- Maklumat laman web
- Maklumat teknikal kepada orang awam

*Setiap laporan yang disediakan dan keluar dari Bilik Gerakan mesti terlebih dahulu disemak dan diluluskan oleh Pengurus Bilik Gerakan.*

### **3. Perhubungan Awam**

Maklumat dari Bilik Gerakan disalurkan kepada media cetak dan elektronik setelah mendapat kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan. Selain dari itu fungsi berikut juga dijalankan oleh pihak Perhubungan Awam:

- Mnguruskan jemputan media
- Menerima dan mengumpul aduan dari orang ramai, media cetak dan Elektronik
- Memantau berita yang dikeluarkan oleh media cetak dan elektronik dan membuat pembetulan lapuran yang kurang tepat.

### **4. Membuat Kenyataan Media**

Memberikan maklumat yang tepat kepada media adalah penting untuk memastikan imej Jabatan dapat dipertingkatkan. Namun begitu peraturan berikut perlu dipatuhi:

- Perkara-perkara menyentuh polisi, dasar jabatan dan kementerian hanya boleh di keluarkan oleh Menteri Pertanian, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan

- Pengarah JPH Negeri boleh mengeluarkan kenyataan seperti keadaan semasa di negeri dan laporan surveilan yang telah dijalankan
- Pegawai Teknikal boleh membuat kenyataan teknikal setelah dibenarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan dan Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri

## **BAB 3:**

### **PEMUSNAHAN DAN PELUPUSAN**

#### **1. Pendahuluan**

Polisi kerajaan didalam membasmi wabak HPAI ialah dengan pemusnahan (stamping out). Pemusnahan ayam/itik terjangkit ini dijalankan untuk melenyapkan perumah kepada virus HPAI. Pemusnahan yang pantas dapat memendekan tempoh virus terus membiak dan tersebar. Ini dapat memastikan risiko penularan dapat dikawal. Sementara itu pelupusan dengan menanam karkas yang telah dimatikan perlu dijalankan dengan segera, sebaik-baiknya dikawasan ladang yang sama. Praktik ini dapat mengurangkan risiko virus dibawa keluar dari kawasan terjangkit.

#### **2. Penzonan bagi tujuan pembasmian**

Sebaik sahaja sebuah ladang itu disahkan dijangkiti virus HPAI, tiga zon perlu diwujudkan. Ladang-ladang di zon-zon berkenaan perlu dikenalpasti. Ini adalah kerana tindakan yang akan diambil berbeza mengikut zon. Menggunakan ladang pertama dijangkiti (kes indeks) sebagai pusat bulatan, zon-zon diwujudkan berasaskan jarak jejari dari pusat bulatan tersebut. Zon-zon tersebut ialah:

- 2.1. Zon terjangkit (infected zone) - adalah kawasan sekeliling ladang terjangkit sehingga radius 1 km.
- 2.2. Zon disyaki terjangkit (buffer zone) - ialah kawasan sekeliling ladang terjangkit sehingga radius 2 km.
- 2.3. Zon surveilan – ialah kawasan sekeliling ladang terjangkit hingga radius 10 km.

Namun begitu, jika jangkitan merebak, zon-zon pembasmian akan menjadi lebih besar. Begitu juga jika ladang terjangkit berlaku di banyak tempat, beberapa zon pembasmian akan ditubuhkan.

### **3. Tindakan pembasmian mengikut zon-zon**

#### **3.1. Zon Terjangkit**

- Semua ternakan unggas dan hasil unggas yang berada didalam zon ini akan dimusnahkan.
- Semua ternakan dan hasil ternakan bukan unggas yang berada didalam ladang terjangkit akan dimusnahkan.
- Lain-lain ternakan yang bekeliaran (tidak dipagar) didalam zon juga akan dimusnahkan.

#### **3.2. Zon Disyakki Terjangkit (Buffer Zone)**

- Semua ternakan unggas dan hasil unggas yang berada didalam zon akan dimusnah
- Ternakan lain bukan unggas tidak perlu dimusnahkan
- Tiada pemindahan lain-lain ternakan dan hasilnya dibenarkan

#### **3.3. Zon Survelan**

- Tiada pemindahan bagi ternakan unggas dan hasil unggas.
- Semua ladang unggas disita (seal)
- Survelan intensif dijalankan, ladang-ladang kembali kekeadaan asal jika tiada jangkitan dikesan dalam tempoh 21 hari dari tarikh terakhir pemusnahkan dijalankan di Zon Disyaki Terjangkit.

#### **4. Kaedah pemusnahan**

##### **4.1. Menggunakan gas Karban Dioksida**

Gas karban dioksida digunakan supaya ternakan sedat sebelum dikumpulkan kedalam karung plastik. Kadar gas diperlukan mengikut isipadu ruang reban. Haiwan hendaklah didedahkan kepada gas CO<sub>2</sub> berkepekatan 30% bagi menyebabkan ianya sedadt. Kaedah ini sesuai dijalankan bagi reban tertutup, reban yang boleh ditutup dengan kanvas atau plastik, ada bilik dimana ternakan boleh dihalau kedalamnya dan juga bila bilangan ternakan sedikit dan boleh dimasukkan ke dalam bekas atau tong sebelum gas dimasukkan. Bagi reban tertutup, pemberhentian sistem ventilasi akan membantu mempercepat ayam menjadi sedat.

##### **4.2. Menggunakan bahan kimia**

Bahan kimia yang sesuai boleh digunakan untuk menjadikan ternakan sedat dan mudah dikutip untuk dimasukkan kedalam karung plastik. Bahan seperti sodium fenobarbital yang dilarut didalam air minuman dengan kepekatan 80 mg dalam 55 ml boleh digunakan. Kaedah ini sesuai untuk bagi bilangan ayam yang banyak. Bagi memastikan ayam/itik meminum campuran bahan kimia yang digunakan, bekalan air minuman hendaklah terlebih dahulu diberhentikan sekurang-kurangnya dalam tempoh 4 jam.

#### **5. Pemusnahan lain-lain produk dan bahan**

Bahan-bahan seperti baki makanan ternakan, tinja, litter, telur boleh menjadi pembawa virus secara mekanikal. Oleh yang demikian bahan ini tidak boleh dipindah keluar dari ladang-ladang di zon terjangkit. Bahan-bahan ini juga perlu dimusnahkan dan ditanam. Pasukan didinfeksi dan dekontaminasi perlu

mempastikan bahan-bahan organik ini ditanam dan dikambus terlebih dahulu sebelum keseluruhan ladang didekontaminasi.

## 6. Kaedah pelupusan

Kaedah pelupusan yang akan diamalkan ialah dengan menanam. Pembakaran akan menimbulkan masalah alam sekitar. Namun begitu dalam keadaan penanaman tidak dapat dijalankan, kebenaran dari Jabatan Alam Sekitar hendaklah diperolehi bagi membolehkan pembakaran dapat dilaksanakan. Beberapa faktor berikut hendaklah diberi perhatian untuk penanaman ternakan yang telah dimusnahkan:

- Di Zon Terjangkit lubang pelupusan hendaklah digali didalam kawasan ladang yang sama
- Di Zon Disyaki Terjangkit lubang pelupusan bersama didalam zon boleh dilaksanakan jika keadaan sesuai.
- Bagi ladang-ladang yang terletak dikawasan yang mempunyai paras air tanah yang tinggi, pastikan kawasan pelupusan ditimbus secara membukit.

## 7. Spesifikasi lubang pelupusan

Saiz lubang untuk menanam karkas ayam bergantung kepada isipadu karkas tersebut. Karkas yang terlalu banyak boleh menyebabkan penghasilan gas berlebihan dan naik ke permukaan dan mencemar sekitaran. Dicadangkan satu-satu lubang tidak menampung karkas melebihi 10,000 ekor.

Contoh mengira saiz lubang bagi 10,000 ekor karkas:

Isipadu karkas seekor =  $1,500 \text{ cm}^3$

$1 \text{ m}^3 = 1,000,000 \text{ cm}^3$

Bilangan karkas untuk  $1 \text{ m}^3 = 1,000,000/1,500 = 667$  ekor


Isipadu diperlukan untuk 10,000 ekor karkas =  $10,000/667 = 15 \text{ m}^3$

Saiz untuk 10,000 karkas sahaja = 8 m (panjang) x 2 m (lebar) x 1 m (dalam)  
=  $16 \text{ m}^3$

Dengan mengambil kira kambusan sedalam 2 meter,

Saiz lubang yang perlu digali ialah = 8 m (panjang) x 2 m (lebar) x 3 m (dalam)  
=  $48 \text{ m}^3$

**Tepi lubang perlu digali secara condong sedikit (Rajah 3.1) bagi mengelakkan ianya runtuh sebelum dikambus.**



**Rajah 3.1: Pandangan sisi lubang bersaiz 8 mx 2 m x 3 m**

## 8. Mengkambus lubang yang telah diisi karkas

Sebelum karkas-karkas ayam dimasukkan satu lapisan kapur hendaklah ditaburkan untuk memastikan risiko virus hidup meresap dapat dikurangkan. Setelah karkas dimasukkan, tanah kambus kira-kira 0.2 meter hendaklah isikan dan diikuti lapisan kapur sebelum disikan dengan tanah kambus sepenuhnya. Tanah kambus bersentuhan terus dengan karkas adalah untuk memastikan proses dekomposisi berjalan dengan baik. Sementara itu tanah kambus hendaklah membumbung lebih tinggi dari aras tanah. Ini membolehkan lubang tidak menjadi lekak akibat enapan bila dekomposisi karkas berlaku. Pemeriksaan hendaklah dijalankan setelah

operasi selesai bagi memastikan lubang terkambus sepenuhnya dan tidak ada pencemaran berlaku.

#### **9. Peralatan dan logistik untuk kerja pemusnahan**

- beg atau karung plastik kedap udara (beg makanan) bagi mengumpul ayam yang sedat atau mati
- dawai/tali rafia untuk mengikat karung plastik
- gas CO<sub>2</sub> dalam tangki atau kanister dan output regulatornya
- kapur berklorin
- disinfektan
- pam bermotor atau pam gelas bagi mengisi disinfektan
- kereta sorong untuk mengangkut karkas yang diisi didalam karung
- jaring untuk mengepung ayam diladang
- kanvas atau plastik menutup kandang

#### **10. Logistik pelupusan karkas**

- Jentera penggali/backhoe
- Lori pengangkut
- Trektor
- Beg plastic/ tali plastic/dawai pengikat
- Pakaian perlindungan
- Shovel, penyapu, rake
- Kapur *slake* - Ca (OH)<sub>2</sub>
- Disinfektan
- Pam tekanan
- Tangki takungan
- Tempat mandi mudah alih

## 11. Pasukan pelupusan dan pemusnahan

Bilangan anggota bagi pasukan pelupusan dan pemusnahan bergantung kepada banyaknya ayam itik yang perlu dimusnah dan di lupuskan. Kerjasama dari penternak adalah diperlukan bagi memastikan kerja-kerja pemusnahan dan pelupusan dapat dijalankan dengan cepat. Pasukan-pasukan yang dicadang adalah seperti berikut:

Ketua	-	PV/PPV/PV kanan
Ahli-ahli		
Mengumpul data ternakan	-	1 orang
Disinfeksi	-	1 orang
Penyelia membilang	-	2 orang
Penangkap ternakan	-	20 orang pekerja ladang/pekerja kontrak
Pengendali gas CO <sub>2</sub>	-	2 orang (minimum)

## 12. Sokongan lain-lain pasukan, badan dan agensi

Aktiviti pemusnahan, pelupusan dan pengawalan rebakan wabak akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan bantuan dan sokongan lain-lain pasukan, badan dan agensi kerajaan.

### a. Pasukan penguatkuasa

Pasukan ini boleh dianggotai Pegawai Penguatkuasa Jabatan dengan bantuan pihak polis. Tugasnya termasuklah menyita ladang terjangkit, mengkuarantin Zon Terjangkit, Zon Zon Disyaki dan Zon Survelan dan mengadakan sekatan jalan raya untuk memastikan tiada ternakan dan bahan-bahan berisiko meninggalkan zon-zon dinyatakan sehingga keadaan membenarkan.

**b. Pasukan penyediaan pelupusan**

Didalam keadaan tertentu bantuan dari agensi-agensi setempat adalah diperlukan. Ini termasuklah Jabatan Kerja Raya dan Majlis Tempatan. Pasukan ini diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja pelupusan.

**13. Pembersihan (*Mopping up*)**

Tindakan pembersihan perlu dijalankan bagi memastikan tiada karkas-karkas atau sakibaki bahan-bahan yang terjangkit yang tertinggal. Segala bahan ini perlu dilupuskan dan kawasan tersebut disucihama dengan baik.

**14. Dekontaminasi dan sucihama**

Dikontaminasi yang menyeluruh di zon terjangkit adalah penting untuk memastikan virus yang masih ada disekitaran zon terjangkit dapat dimusnahkan. Bagi memastikan dekontaminasi yang berkesan segala bahan-bahan organik yang ada dipermukaan lantai, dinding, sangkar, alatan dsb hendaklah dibersihkan terlebih dahulu sebelum larutan disinfektan disemburkan ditempat-tempat tersebut.

Larangan pergerakan kenderaan dari kawasan wabak dan juga sebaliknya hendaklah dikuatkuasakan. Namun begitu kenderaan seperti pembawa makanan mungkin diperlukan bagi membawa makanan ke Zon Survelan. Kenderaan ini hendaklah dikawal dan disucihama dengan sepenuhnya.

**15. Pakaian keselamatan**

Virus HPAI sub-tib H5N1 dan H7N7 boleh menjangkiti manusia menyebabkan selsema atau kematian terutamanya kanak-kanak. Langkah keselamatan yang

ketat perlu diambil oleh semua kakitangan yang terlibat. Virus Keperluan minimum termasuklah mask N95, goggles, gloves, mop cap dan gum boot.

## **BAB 4:**

### **PAMPASAN DAN PENILAIAN**

#### **1. Pendahuluan**

Pampasan selalunya diberi untuk membolehkan penternak mengatasi tempoh kesukaran akibat wabak. Ianya bukanlah sebagai gantirugi, sebaliknya ia lebih berupa bantuan membolehkan mereka memulakan semula bidangusaha asal atau meneroka bidang usaha baru. Bayaran pampasan boleh diberikan dalam bentuk wang ataupun harta benda contohnya: ayam sehari untuk pemeliharaan ayam daging atau pullet untuk ayam penelur.

#### **2. Kaedah penentuan bilangan ternakan**

Pampasan hanya akan diberi kepada ternakan yang hidup semasa pemusnahan dijalankan. Memandangkan bilangan ayam sesbuah ladang itu adalah tinggi dan pengiraan setiap ekor adalah tidak praktik dijalankan, bilangan ternakan yang hidup adalah dianggarkan dari bilangan dinyatakan didalam nota hantaran kurang dari peratus kematian seperti berikut:

Bilangan didalam nota hantaran atau rekod flock : A ekor

Peratus kematian biasa mengikut kelas ayam : B%

Anggaran bilangan stok hidup =  $(A - (A \times B))$  ekor

Peratus kematian berikut digunakan bagi menganggar bilangan stok yang masih hidup adalah seperti Jadual 4.1:

Jadual 4.1: Peratus kematian ayam/itik bagi pengiraan stok masih hidup

Jenis ayam	Peratus kematian
Pedaging	5
Penelur	15
Parent stok	15
Grand parent stock	15
Puyuh pedaging	5
Parent stok puyuh	10
Puyuh penelur	1
Itik pedaging	5

Bagi ternakan selain unggas (lembu, kambing, bebiri ,babi) adalah mengikut bilangan ternakan yang dimusnahkan.

### 3. Kaedah penilaian inventori

Pegawai Pasukan Penilaian Pampasan akan membuat inventori bilangan ladang/populasi ternakan dan jenis ternakan didalam Zon Terjangkit (1 km radius) dan Zon Disyakki Terjangkit (2 km radius) sebaik sahaja sesuatu ladang itu disahkan positif HPAI. Pegawai penilai dikehendaki mengisi Borang 1 (Lampiran 3.1) dengan memberikan perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- Ternakan dinilai mengikut jenis dan umur ternakan berdasarkan kos pengeluaran
- Dua orang Pegawai Penilaian pampasan akan menjalankan inventori ladang bagi ladang-ladang dan ternakan yang terletak diZon Terjangkit (1 km radius) dan Zon Disyakki Terjangkit (2 km radius).
- Semasa menjalankan inventori ladang, tuan punya ladang/wakil mesti ada bagi mengesahkan bilangan, populasi dan jenis ternakan yang akan dimusnahkan.

- Pegawai yang menilai perlu mengisi Borang 1 bagi tujuan membuat inventori. Ini bertujuan untuk kemudahan perancangan pasukan petugas.
- Penternak/wakil perlu mengisi borang penilaian pampasan bagi menilai ternakan diladang yang akan dimusnahkan.
- Penternak/wakil perlu mengesahkan bilangan ternakan/jenis ternakan yang akan dimusnahkan.
- Borang yang siap diisi perlu dipulangkan kepada Pegawai Penilai Pampasan di Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri terlibat.
- Dua orang Pegawai Penilai Pampasan perlu menilai pampasan tersebut.

#### 4. Kaedah tuntutan pampasan

- Penternak/wakil perlu mengemukakan permohonan pampasan dengan mengisi Borang 2 (Lampiran 3.2) iaitu ***Borang Permohonan Pampasan***.
- Angka pampasan perlu diperakui oleh Jawatankuasa dan Pengarah JPH Negeri.
- Borang diserahkan kepada Ketua Pasukan Kawalan Penyakit Lapangan dinegeri.
- Ketua Pasukan Kawalan Penyakit Lapangan akan mengesahkan dan memperaku/mencadang nilai yang perlu dituntut.

## **BAB 5:**

### **PEYIASATAN DAN PENGAMBILAN SAMPEL**

#### **1. Pendahuluan**

Peyiasatan, pengujian dan pengesanan jangkitan HPAI memainkan peranan penting didalam pengawalan wabak HPAI. Penyiasatan yang cepat, pengambilan sampel yang betul, pengesanan yang segera membolehkan wabak ditangani sebelum rebakan lebih meluas berlaku.

#### **2. Prinsip-prinsip penyiasatan dan penilaian risiko**

- Teliti dan pertimbangkan faktor-faktor seperti diagnosis lain, sindrom klinikal, ujian dahulu jika ada dijalankan, atau lain-lain faktor epidemiologi seperti telah ada jangkitan pada manusia
- Tentukan samada terdapat penyakit zoonotik
- Beri perhatian kepada kehadiran pembantu, pekerja ladang dan lain-lain orang ditempat penyiasatan
- Perhatikan tempat sekeliling yang boleh menyebabkan virus tersebar akibat dari penyiasatan
- Berhati-hati dan elakan orang ramai memasuki tempat penyiasatan
- Elakan kakitangan wanita mengandung menjalankan kerja-kerja penyiasatan
- Berbincanglah dan nasihatkan pembantu akan apa-apa kemungkinan jika didapati ada jangkitan

- Elakan dari menyenth cecair dan apa-apa lelehan semasa menjalankan pemeriksaan, gunakanlah glove untuk menjalankan pemeriksaan
- Pastikan pisau skapel dibuang didalam bekas ditanda barang-barang tajam
- Cuci dan disinfek alatan yang digunakan dalam pemeriksaan
- Disinfek pakaian dan lain-lain bahan buangan

### **3 Prosidur keselamatan semasa melawati ladang yang disyaki**

- Sebaik tiba kenalpasti kawasan yang dikira bersih seperti pejabat atau rumah ladang, dan pastikan risiko membawa virus ketempat ini dikurangkan dengan memastikan disinfektan dan viricidal seperti Sodium-hypochlorite, Betadine, Dettol, Lysol, Virkon or Savlon digunakan.
- Pakaian pelindung overall lengan panjang, boots getah, glove, goggles, face mask hendaklah sentiasa dipakai. Mereka yang menjalankan pemeriksaan PM hendaklah memakai respirator bertekanan positif dan juga dua lapis glove yang tidak mudah bocor.
- Sebelum menuju tempat terjangkit pastikan semua peralatan dan keperluan mencukupi dan perlu berulang-alik ketempat bersih
- Sebaik memasuki tempat terjangkit perhatikan keadaan ayam, taburan ayam-ayam yang sakit atau mati dan jika perlu menjalankan pemeriksaan PM pilih tempat yang bersih dan boleh didisinfek setelai kerja selesai dijalankan.

- Bawalah disinfektan dan spray tangan dan lain-lain alatan dari masa kesemasa bagi mengurangkan kontaminasi.
- Setelah kerja-kerja selesai dijalankan, kumpulkan semua sampah kedalam beg plastik, mata scapel kedalam bekas benda-benda tajam, karkas ditanam dan dikapur secukupnya. Basuh dan disinfek semua alatan, tangan dan pakaian ulang membasuh dan disinfeksi sebelum tiba ditempat bersih.
- Bahagian luar bekas sampel juga perlu dispray dengan disinfektan, dimasukkan dan diikat dengan baik dalam beg plastik dan diletak dengan baik kedalam bekas pengangkut.
- Spray mask muka, dan gogle dan lain-lain alatan yang akan digunakan kelak dan simpan denan baik.
- Buang glove dan lain-lain bahan kedalam beg biohazard dan autoclave atau bakar bahan ini bila tiba di makmal. Tukar pakaian berdih sebelum meninggalkan premis.
- Basuh dan disinfek kenderaan sebelum meninggalkan ladang
- Basuh pakaian setiap hari dan jangan pakaian yang sama untuk lain-lain ladang.

#### **4. Penyiasatan dan pengendalian sampel**

Terdapat dua kriteria yang memerlukan respon kecemasan yang memerlukan penyiasatan segera. Kriteria tersebut ialah:

- kadar kematian yang tinggi melebihi 3% sehari

- kematian yang tidak normal pada unggas liar dan burung kesayangan

Pasukan Bertindak Cepat dari makmal perlu bertindak segera sebaik menerima laporan. Aliran kerja pengambilan dan penghantaran sampel ke VRI ditunjukkan dalam Rajah 5.1.


## **5. Peraturan penghantaran sampel**

- sampel tisu segar dan berformalin dipek secara berasingan
- tisu dipek dalam dua lapis beg plastik
- swabs/serum dihantar didalam kontak nya
- hantar sampel dengan pek gel beku atau ais kering
- hantar beserta maklumat dalam borang makvet 02
- hantar sampel menggunakan kotak khas
- label dengan betul diluar kotak
- hantar sampel ke VRI, Ipoh

## **5. Peralatan-peralatan dan bahan diperlukan**

- Overall pakai buang
- 3M N95 'masks', sarung tangan, boot, goggle
- Disinfektan (virkon S) – chlorine base, lysol, lindorase-iodine base – didalam botol penyembur
- Disinfektan yang baru disediakan
- Pisau, portable 'stainless steel' post mortem table dan plastic
- Bekas ais dan formalin

Kriteria:-  
 (a) mortality >3% pada sesuatu masa  
 (b) mortality abnormal pada burung liar, petbirds, burung sactuari burung , ayam serama



Rajah 5.1: Carta alir penyiasatan Pasukan Bertindak Cepat

## **BAB 6:**

### **PENGUJIAN DAN PENGESAHAN VIRUS HPAI**

#### **1. Pendahuluan**


Sampel yang diambil didalam penyiasatan hendaklah di hantar ke VRI dengan segera. Sample tersebut akan diproses dan dijalankan ujian RT-PCR juga dengan segera. Keputusan yang cepat adalah penting bagi membolehkan wabak dapat dikawal dengan cepat.

#### **2. Prosidur keselamatan di makmal**

- sampel sepatutnya tiba didalam dua lapis beg plastik yang diletak didalam bekas tidak bocor
- kakitangan menerima dan membuka sampel mengenakan pakaian yang sesuai (baju makmal lengan panjang, memakai glove, pelindung mata dan mask)
- lakukan operasi di kabinet biohazard kelas II
- catat bilangan sampel dan labelkan
- spray bahagian dalam bekas/kotak menghantar sampel dengan disinfektan
- spray beg-beg plastik dengan disinfektan dan laplah hingga kering
- dengan menggunakan forcep dan gunting steril pindahkan sampel ke motar yang disejukan untuk dihomogen bagi ujian PCR dan isolasi virus
- simpan baki sampel pada -20° C untuk ujian akan datang bila diperlukan

### **3. Ujian pengesahan yang dijalankan**

Ujian Reverse Transcriptase Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) dijalankan menggunakan rimer universal sub-tip H5, H7 dan juga virus ND serentak. Keputusan ujian ini dimaklumkan kepada Pasukan Alert untuk tindakan. Ujian seterusnya dijalankan seperti ditunjukkan didalam Rajah 6.1.



Rajah 6.1: Carta aliran diagnosis Avian Influenza di VRI

## **BAB 7:**

### **PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAANNYA**

#### **1. Pendahuluan**

Undang-undang yang ada khususnya Ordinan Binatang 1953 akan dikuatkuasakan bagi memastikan wabak HPAI dapat dikawal dan dibasmi dengan berkesan.

#### **2. Ladang yang disyaki**

Mana-mana ladang ayam/itik yang mengalami kematian melebihi 3% sehari diklasifikasi sebagai ladang yang disyaki. Tindakan yang akan diambil adalah seperti berikut:

- a. Pengeluaran Perintah Penahanan Unggas/Bangkai Sementara Di Bawah Seksyen 18(2), Ordinan Binatang 1953 oleh Pengarah Haiwan Negeri dan disampaikan kepada tuanpunya atau orang yang bertanggungjawab dengan cara penyampaian yang sah. Contoh surat perintah tersebut dinyatakan didalam Lampiran 7.1.
- b. Ladang yang disyaki diawasi sehingga keputusan makmal dikeluarkan.
- c. Sekiranya keputusan makmal itu negatif, surat penarikan Perintah Penahanan Unggas Sementara Di Bawah Seksyen 18(2), Ordinan Binatang 1953 dikeluarkan. Contoh surat penarikan perintah tersebut dinyatakan dalam Lampiran 7.2.
- e. Sekiranya keputusan makmal itu positif, ladang tersebut menjadi Ladang Yang Telah Dijangkiti Penyakit HPAI. Tindakan akan diambil adalah seperti dinyatakan didalam perkara 3.

### 3. Ladang dijangkiti penyakit HPAI

- a. Sekiranya keputusan itu positif, pengeluaran Perintah Pemusnahan Unggas dan Binatang yang kemungkinan boleh dijangkiti oleh virus tersebut oleh Pengarah Negeri kepada semua tuanpunya (atau orang yang bertanggungjawab) ladang dalam lingkungan satu kilometer radius dengan cara penyampaian yang sah. Contoh perintah pemusnahan ditunjukkan dalam lampiran 7.3. dan 7.4.
- b. Mewartakan Perintah Seksyen 36(1) dan (2) di bawah Ordinan Binatang 1953. Deraf perintah ditunjukkan dalam Lampiran 7.5. dan 7.6.
- c. Bagi ladang atau ladang-ladang dalam lingkungan 1 hingga 2 kilometer radius, Pengarah Negeri perlu mengeluarkan Perintah Pemusnahan Unggas di dalam kawasan ladang tersebut. Contoh perintah ditunjukkan dalam Lampiran 7.7 dan 7.8.
- d. Semua ladang unggas dalam lingkungan 2 kilometer perlu ditanda dan disita dan diawasi sehingga tindakan pemusnahan dilakukan.
- e. Pegawai penguatkuasa perlu memperolehi Perintah Mahkamah dan menyerahkan kepada Ketua Pasukan Pemusnah untuk tindakan pemusnahan. Contoh perintah ditunjukkan dalam Lampiran 7.9.
- f. Bagi ladang atau ladang-ladang dalam lingkungan 2 hingga 10 kilometer radius, Pengarah Negeri perlu mengeluarkan Perintah Penahanan Unggas / Bangkai Sementara Di Bawah Seksyen 18(2), Ordinan Binatang 1953 kepada tuanpunya ladang (atau orang yang bertanggungjawab) dengan cara penyampaian yang sah sehingga satu perintah lain dikeluarkan. Contoh perintah ditunjukkan dalam Lampiran 7.10.

- g. Sekatan Jalan Raya (SJR) perlu dibuat di laluan di luar kawasan 10 kilometer radius ladang yang telah dijangkiti penyakit HPAI.
- h. Rondaan oleh pihak penguatkuasa dibuat secara berkala di kawasan kawalan penyakit HPAI.
- i. Ketua Pasukan Pemusnah hendaklah membuat laporan polis di Balai Polis berhampiran mengenai pemusnahan unggas / bangkai unggas. Contoh borang Laporan Polis ditunjukkan dalam Lampiran 7.11.

## **BAB 8:**

### **KESELAMATAN PEKERJA DAN PERSONEL**

#### **1. Pendahuluan**

Panduan ini disediakan bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Keselamatan Pekerja. Ianya bertujuan menjelaskan peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pihak majikan dan pekerja serta memberi panduan tentang beberapa perkara yang berkaitan bagi membantu kerajaan menangani wabak penyakit 'High Pathogenic Avian Influenza' di tempat kerja.

#### **2. Tanggungjawab majikan di bawah seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994**

Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya, termasuklah :-

- a. mengadakan dan penyenggaraan loji dan sistem kerja yang selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- b. pembuatan perkiraan bagi menjamin keselamatan dan ketiadaan risiko kepada kesihatan berkaitan dengan penggunaan atau pengendalian, penanganan, penyimpanan dan pengangkutan loji dan bahan;
- c. pengadaaan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjanya yang sedang bekerja;
- d. berkenaan dengan mana-mana tempat kerja di bawah kawalan majikan atau orang yang bekerja sendiri, penyenggaraannya dalam keadaan yang selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan dan pengadaaan dan penyelenggaraan cara

masuk ke dalam dan keluar darinya yang selamat dan tanpa risiko sedemikian;  
dan

- e. pengadaan dan penyenggaraan persekitaran pekerjaan bagi pekerja-pekerjanya yang selamat, tanpa risiko kepada kesihatan dan menyediakan kemudahan bagi kebajikan mereka yang sedang bekerja.

**3. Penalti dibawah seksyen 15, AKKP 1994 :**

“Seseorang yang melanggar peruntukan Seksyen 15, adalah melakukan kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

**4. Tanggungjawab majikan secara umum berkenaan ‘Avian Influenza’**

- a. Mengamalkan amalan penternakan yang baik seperti yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.
- b. Menyediakan prosedur kerja selamat (SOP) untuk setiap proses kerja dan memastikan pematuhannya.
- c. Memastikan tempat kerja berada dalam keadaan bersih, sihat dan selamat.
- d. Menyediakan kemudahan yang cukup untuk pekerja mengamalkan kebersihan diri seperti kemudahan membersihkan tangan, bilik air, tandas, bilik persalinan dan kemudahan membasuh pakaian.
- e. Menyediakan alat perlindungan diri (PPE) yang bersesuaian (seperti sarung tangan, mask, apron dan boot) kepada semua pekerja dan memastikan pekerja menggunakannya semasa bekerja.
- f. Memastikan pekerja tidak membawa pakaian, peralatan dan alat perlindungan diri yang digunakan semasa bekerja tidak dibawa pulang ke rumah.

- g. Memastikan pekerja mendapat maklumat-maklumat serta bahan-bahan pendidikan kesihatan terkini berkaitan dengan penyakit 'avian influenza' dari masa ke semasa.
- h. Menyemak dan mengemaskini semula prosedur-prosedur kerja yang berkemungkinan boleh mendedahkan pekerja kepada jangkitan 'avian influenza' dan mengambil tindakan kawalan.
- i. Mengarah dan menguruskan mana-mana pekerja yang menunjukkan simptom-simptom 'avian influenza' supaya menjalani pemeriksaan kesihatan dengan segera.
- j. Melaporkan kepada Pejabat Kesihatan berhampiran dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) terdekat sekiranya terdapat pekerja yang disyaki mengidap 'avian influenza' dalam masa 24 jam.
- k. Mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan dengan kes 'avian influenza' dari masa ke semasa.
- l. Menyimpan rekod pelaksanaan aktiviti kawalan pencegahan avian influenza.

**5. Tanggungjawab pekerja dibawah seksyen 24 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994**

Adalah menjadi kewajipan setiap pekerja yang sedang bekerja :-

- a. Untuk memberikan perhatian yang munasabah bagi keselamatan dan kesihatan dirinya dan orang lain yang mungkin terjejas oleh tindakan atau peninggalannya semasa bekerja;
